

SULIT



UNIVERSITI KUALA LUMPUR BUSINESS SCHOOL

SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER JANUARI 2016

KOD SUBJEK	:	MPU3333
SUBJEK	:	ISU-ISU KONTEMPORARI MUSLIM DI MALAYSIA
PERINGKAT	:	IJAZAH PERTAMA
MASA	:	9:00 PG – 2:00 PTG / 3 JAM
TARIKH	:	24 MEI 2016

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila baca dengan teliti arahan yang diberikan pada kertas soalan.
 2. Kertas soalan ini di cetak di kedua-dua belah muka surat.
 3. Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.
 4. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.
 5. Sila tulis jawapan pada buku jawapan yang disediakan.
 6. Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari dewan peperiksaan.
-

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN.

Jumlah 100 Markah

ARAHAN: JAWAB LIMA (5) SOALAN SAHAJA

GUNAKAN BUKU JAWAPAN YANG DISEDIAKAN

Soalan 1

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang memiliki identiti tersendiri dan ianya adalah kesan dari sejarah melalui proses Islamisasi di Tanah Melayu.

Huraikan **EMPAT (4)** faktor yang menyebabkan proses perkembangan Islam berjaya di Tanah Melayu.

[20 Markah]

Soalan 2

Fahaman Islam Liberal semakin berkembang saban hari, bahkan penularannya tersebar di negara yang majoriti penduduknya beragama Islam. Malaysia juga tidak terlepas daripada penularan ideologi songsang tersebut.

Pada pandangan anda, bagaimanakah cara seorang pelajar untuk mengelakkan diri dari terpengaruh dengan fahaman Islam liberal?

[20 Markah]

Soalan 3

Era globalisasi masa kini sememangnya telah mencabar peradaban manusia dan agama di dunia. Apakah faktor-faktor dalaman yang menyebabkan salah faham terhadap Islam yang berpunca daripada kelemahan umat Islam itu sendiri.

[20 Markah]

Soalan 4

Israf bermaksud perbelanjaan secara berlebihan ke atas perkara-perkara yang halal. Manakala *tabzir* pula merupakan perbelanjaan yang membazir, salah dan haram. Seandainya anda tergolong dalam kalangan insan yang bernasib baik atau berada, bagaimanakah kaedah terbaik untuk anda menguruskan perbelanjaan harian supaya isu pembaziran dapat dielakkan.

[20 Markah]

Soalan 5

Menurut Akta Majlis Agama Islam dan mahkamah-mahkamah Kadi Penggal 77, masjid didefinisikan sebagai sebuah bangunan yang didirikan atau digunakan bagi maksud mengadakan sembahyang, perkhidmatan dan lain-lain upacara berkaitan dengan agama Islam.

- a. Bincangkan **TIGA (3)** fungsi dan peranan masjid yang dominan dalam kehidupan umat Islam. [6 Markah]
- b. Huraikan **TIGA (3)** cabaran yang perlu dihadapi oleh institusi masjid pada masa kini. [6 Markah]
- c. Terangkan **EMPAT (4)** cara-cara yang boleh dilaksanakan bagi memperkasakan institusi masjid. [8 Markah]

(Jumlah 20 Markah)

Soalan 6

Kemajuan teknologi ICT mutakhir ini menyaksikan pro-kontra di sebalik isu-isu sains dan teknologi seperti isu "viral" di laman sosial terutamanya facebook dan youtube. Namun begitu, terdapat beberapa aspek kemajuan ICT yang boleh menjejaskan keharmonian sesebuah negara. Bincangkan:

- a. **TIGA (3)** kebaikan isu "viral" di internet. [10 Markah]
- b. **TIGA (3)** keburukan penyebaran fitnah berdasarkan isu "viral" di Malaysia kepada umat Islam. [10 Markah]

(Jumlah 20 Markah)

Soalan 7

Perkembangan umat Islam di dunia dilihat dari pelbagai sudut termasuklah peningkatan populasi umat Islam di seluruh dunia dan berkembangnya dunia pelancongan yang mengutamakan ciri-ciri keislaman sebagai produk pelancongan. Bahkan para pelancong yang beragama Islam sentiasa mengutamakan destinasi pelancongan bercirikan Islam sebagai destinasi percutian impian mereka.

- a. Bincangkan **TIGA (3)** faktor peningkatan populasi umat Islam mutakhir ini.
[10 Markah]
- b. Bagaimanakah inisiatif pihak yang mempromosikan produk pelancongan halal di Malaysia untuk menarik pelancong muslim luar negara bagi memenuhi percutian impian terbaik mereka.

[10 Markah]

(Jumlah 20 Markah)

[Total: 100 marks]

~ KERTAS SOALAN TAMAT ~